

16 OCT 1999

MAHATHIR ADAKAN PERJUMPAAN DENGAN SULTAN BRUNEI

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan mesyuarat dengan Sultan Brunei Hassanal Bolkiah di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Selepas pertemuan selama sejam itu Perdana Menteri mengiringi Sultan Hassanal untuk melawat Taman Wetland di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga menteri pengiring.

Lawatan ke Taman Wetland itu akan diikuti dengan majlis makan tengah hari kedua-dua pemimpin di hotel Palace of Golden Horses di Seri Kembangan.

Sultan Hassanal dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara petang ini.

Sultan Brunei tiba di Kuala Lumpur semalam bersama rombongan 23 orang untuk lawatan kerja empat hari.

Beliau juga dijangka akan menyaksikan perlumbaan kereta Grand Prix Formula One Malaysia di Litar F1 di Sepang esok.

-- BERNAMA

ES RON